

Taklimat UMP Repositori Institusi (UMP IR) di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)

6 Julai 2018 (Jumaat) – Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) sekali lagi telah menjemput Perpustakaan UMP yang dipertanggungjawabkan kepada Unit Pengurusan Ilmu bagi memberi taklimat berkaitan UMP Repositori Institusi (UMP IR) kepada para pensyarah.

Objektif utama, penerangan tersebut adalah menjawab segala persoalan berkaitan UMP-IR dan juga cara mendeposit bahan ke dalam UMP IR. Penerangan bermula jam 3.30 petang oleh Puan Noorul Farina, Ketua Unit Pengurusan Ilmu & Unit Digital, dibantu oleh Cik Ratna Wilis Haryati, Pembantu Pustakawan Kanan bertempat di Bilik Latihan, PBMSK. Turut hadir dalam sesi penerangan itu adalah, Dekan PBMSK, Yg Bhg. Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan), Profesor Madya Dr. Zuraina Ali.



Penerangan UMP IR diselangi dengan soalan-soalan daripada para pensyarah. Antaranya adalah berkaitan dengan penggunaan nama pengarang yang mempunyai pelbagai nama samaran, kepentingan mendeposit bahan ke UMP IR, jenis bahan yang perlu dideposit, Afiliasi institusi, pendaftaran pengguna dan perkara lain yang berkaitan.



Sesi penerangan berakhir jam 4.30 petang. Pasukan UMP IR mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada PBMSK di atas undangan ini. Pihak Perpustakaan juga sentiasa mengalu-alukan sebarang jempunan daripada fakulti dan pusat yang berkaitan.

Untuk pertanyaan lanjut mengenai Taklimat UMP IR, sila hubungi Pn. Noorul Farina (09-424-5605) atau Cik Ratna Wilis Haryati (09-424-5612).

Disediakan oleh: Pn. Noorul Farina Ariffin, Pustakawan Kanan Perpustakaan Pekan